

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan syarikat takaful yang menguruskan i-
BR1M.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia
(BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu
meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang

berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediaada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan

keluarga tersebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.

Hasil daripada proses verifikasi juga mendapati kebanyakan permohonan yang gagal adalah atas sebab utama iaitu pendapatan isi rumah melebihi syarat kelayakan, pasangan telah membuat permohonan baru (duplikasi permohonan) dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 (2013) adalah seramai 6.8 juta penerima atau 88.1% daripada jumlah permohonan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan

negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM411 juta yang melibatkan seramai 971 ribu atau 14.3% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 674 ribu atau 69.4% penerima isi rumah dan 297 ribu atau 30.6% penerima bujang. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM348 juta yang melibatkan seramai 818 ribu penerima atau 12.04% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 573 ribu atau 70% penerima isi rumah dan 245 ribu atau 30% penerima bujang. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM302 juta yang melibatkan 692 ribu penerima atau 11.1 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2013. Jumlah tersebut merangkumi 515 ribu atau 7.4% penerima isi rumah dan 177 ribu atau 25.6% penerima bujang.

Jumlah kelulusan bagi BR1M 2014 pula adalah seramai 6.8 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.5 juta penerima isi rumah dan 2.3 juta penerima bujang. Jumlah ini dijangka meningkat memandangkan permohonan rayuan baru

sahaja ditutup pada 31 Mei 2014 tempohari dan masih terdapat permohonan yang sedang diproses oleh LHDN. Dari segi penunaian pula, sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 6.4 juta penerima atau 94% telah menunaikan BR1M.

Berdasarkan jumlah kelulusan, pengagihan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM470 juta yang melibatkan seramai 925 ribu atau 13.8% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 798 ribu penerima atau 11.91% daripada keseluruhan penerima. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM350 juta yang melibatkan 652 ribu penerima atau 9.7 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penerima BR1M bagi kategori isi rumah juga diberi perlindungan takaful i-BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi tahun 2014, i-BR1M diuruskan oleh Persatuan Takaful Malaysia yang terdiri daripada 11 Syarikat Takaful. Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Ia merupakan salah satu *policy response* yang telah diambil oleh Kerajaan semasa menangani isu kenaikan harga barangan makanan global pada ketika ini. Bantuan ini telah dapat membantu meringan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung pemberian BR1M dan hubung-kaitnya dengan kadar inflasi. Ia perlu difahami secara jelas. Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi barangan dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia.

Jika dilihat pada pelaksanaan BR1M pada 2012 dan sehingga sekarang, ia tidak memberi kesan langsung kepada secara signifikan ke atas kadar inflasi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kadar inflasi bagi bulan sebelum dan bulan selepas pemberian BR1M tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Seperti contoh, pemberian BR1M tahun 2014 bermula pada bulan Februari 2014. Kadar inflasi ketika itu mencatatkan 3.5%, manakala pada bulan Mac 2014, kadar inflasi masih kekal 3.5% dan bulan April turun lagi kepada 3.4%.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah berbincang bersama pihak Jabatan Audit Negara mengenai langkah penambahbaikan program BR1M untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BR1M.